



Tun Abdullah meninggal dunia

Perdana Menteri kelima menghembus nafas terakhir di IJN pada usia 85 tahun

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi meninggal dunia di Ins-

titut Jantung Negara (IJN) di sini malam tadi.

Perkara itu disahkan oleh mentantunya, Khairy Jamaluddin di laman sosialnya, semalam.

Menurutnya, Allahyarham

Abdullah, 85, meninggal dunia jam 7.10 malam.

“Tun Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia kelima, telah kembali ke Rahmatullah pada jam 7.10 malam di Institut Jantung Negara, KL.

“Semoga Allah SWT mencucuri rahnat ke atas roh Allahyarham dan menempatkan roh Allahyarham dalam kalangan

roh orang-orang yang beriman dan beramal soleh,” katanya.

Allahyarham dilahirkan pada 26 November 1939 di Bayan Lepas, Pulau Pinang.

Beliau menjadi Perdana Menteri kelima pada 31 Oktober 2003 hingga 3 April 2009 berikutan persaraan Tun Dr Mahathir Mohamad.

Sebelum dilantik menjadi Perdana Menteri, Abdullah per-

nah berkhidmat dalam pelbagai portfolio, termasuk menteri luar negeri.

Abdullah meninggalkan seorang isteri, Tun Jeanne Abdullah dan dua orang cahaya mata hasil perkahwinan terdahulu dengan Allahyarhamah Datin Seri Endon Mahmood.

Anak perempuannya, Nori Abdullah mendirikan rumah tangga dengan Khairy.